

01/10/2004

Dr Mahathir bidas Melayu gopoh mahu kaya

By Daud Awang

MELAKA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu yang terlalu gopoh mahu kaya sehingga sanggup menjual keistimewaan yang diperoleh melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), wajar menyalahkan diri sendiri jika gagal merebut peluang yang disediakan kerajaan melalui dasar itu.

Bekas Perdana Menteri itu berkata tiada guna bercakap mengenai survival Melayu jika orang Melayu sendiri gagal mengubah cara berfikir.

"Melalui DEB, kita bagi lesen perniagaan, tapi mereka jual. Kita bagi lesen import (AP), mereka juga jual, bagi lesen kontraktor, mereka bagi pada orang lain... semua ini kerana mahu cepat kaya.

"Kemudian (mereka) datang lagi, jumpa kerajaan... minta lagi lesen. Jika keadaan ini berterusan, sampai bila pun orang Melayu tidak akan maju kerana cara pemikiran kita tidak berubah," katanya pada majlis ceramah makan malam anjuran kerajaan negeri dan Institut Pengurusan Melaka (MMI) di Dewan Seri Negeri, di sini malam semalam.

Turut hadir Tun Dri Siri Hasmah Mohd Ali; Yang di-Pertuan Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob dan isteri, Toh Puan Zurina Kasim; Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri, Datin Seri Asmah Abdul Rahman; ahli Exco kerajaan negeri dan pegawai kanan kerajaan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan buku Kenangan Indah mengandungi 300 gambarnya sebagai Perdana Menteri sejak 1981 hingga 2003. Buku itu dijual pada harga RM70 senaskhah.

Dalam ceramahnya bertajuk Cabaran Globalisasi, Dr Mahathir berkata, tidak ada gunanya kerajaan memperkenalkan 10 DEB dalam tempoh 1,000 tahun akan datang jika orang Melayu masih mengekalkan mentaliti ingin cepat kaya.

Katanya, usaha memakmurkan masyarakat tidak akan bermakna selagi sikap itu masih menebal di kalangan orang Melayu.

"Bumiputera sepatutnya memiliki 40 hingga 50 peratus pegangan saham atau ekuiti dalam sektor perdagangan ketika ini jika mereka tidak terlalu gopoh ingin cepat kaya. Kami (kerajaan) sudah memberi pelbagai peluang dan kemudahan tetapi mereka gagal memanfaatkannya.

"Kerajaan turut mensasarkan penyertaan Bumiputera sebanyak 30 peratus melalui DEB tetapi kita hanya capai 20 peratus dan daripada jumlah itu hanya tiga peratus dimiliki orang Melayu, manakala bakinya dimiliki perbadanan tertentu," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai politik wang yang menurutnya boleh menyebabkan orang Melayu hilang kuasa politik jika gejala itu tidak dibendung hingga ke akar umbi.

Ini, katanya, berdasarkan sejarah apabila Raja-Raja Melayu membenarkan kuasa asing memerintah asalkan mereka mendapat kereta Rolls Royce, payung kuning, kerusi kuning dan sedikit wang pencen.

"Kita mungkin akan menghadapi situasi yang sama jika mengamalkan politik wang. Keadaan ini sangat berbahaya," katanya.

(END)